

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

## Hanya PM boleh tentukan kedudukan Moggie

**KUALA LUMPUR, Rabu —** Adalah menjadi hak istimewa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk mengekalkan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos Datuk Leo Moggie atau bertindak sebaliknya, kata Setiausaha Agung Barisan Nasional Encik Ghafar Baba hari ini.

"Tidak ada peruntukan dalam perlembagaan Barisan Nasional mengenai perkara seumpama ini," katanya sebagai mengulas pengumuman Datuk Leo Moggie di Kuching bahawa ia telah meletak jawatan dari Parti Kebangsaan Sarawak (SNAP).

Datuk Leo semalam berkata, beliau akan mengetuai Parti Bansa Dayak Sarawak yang baru (PDS) dan mengekalkan portfolio kabinetnya.

Encik Ghafar berkata Barisan Nasional akan menimbang sebarang permohonan daripada parti baru itu untuk menyertai Barisan Nasional.

Sehingga ini belum diterima sebarang permohonan, tambahnya.

Katanya, "Barisan Nasional yang mengamalkan demokrasi tidak menyekat sesiapa masuk atau meninggalkan parti." — Bernama.